

KOMPLOT GULING KERAJAAN

# Polis sedia bertindak

Oleh Mohd Hanafis Abdul Haris

am@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

**P**olis tidak akan mencampuri mana-mana urusan dalam politik, tetapi sekiranya ada pihak atau gerakan mahu menggulingkan kerajaan secara tidak demokratik, kami akan masuk campur," kata Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Menurutnya, tanggungjawab polis ialah mempertahankan kerajaan dilantik secara demokrasi.

Beliau berkata, polis memantau perkembangan semasa politik dan hanya bertindak se-kiranya wujud perkara di luar lunas undang-undang.

"Memang kami tidak masuk campur urusan dalam mana-mana parti, namun mereka harus ingat, polis sentiasa memantau setiap kenyataan dikeluarkan pihak tertentu termasuk ahli politik."

"Sekiranya ia berbaur hasutan atau dengan niat menggulingkan kerajaan secara tidak demokratik, itu menjadi tanggungjawab polis mengambil tindakan sewajarnya," katanya selepas merasmikan perbarisan tamat latihan Kor Suksis Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Semalaysia ke-11 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Johor

Datuk Rusli Ahmad dan Pengarah Jabatan Pencegahan Je-nayah dan Keselamatan Komuniti Bukit Aman, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani.

Khalid berkata, sebuah kerajaan hanya mampu ditukar melalui dua cara yang mengikut Perlembagaan dan bukan melalui tindakan kotor menggulingkan pemerintahan sedia ada.

"Polis maklum kerajaan hanya mampu ditukar sama ada menerusi undi tidak percaya di Parlimen ataupun undian pada pilihan raya umum.

"Jika di luar daripada itu, polis akan masuk campur dan mengambil tindakan serius," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebelum ini mendedahkan wujud komplot didalangi tokoh UMNO untuk menjatuhkan kerajaan.

Beliau dilaporkan berkata, tokoh berkenaan disokong beberapa individu penting berpaktat dengan pembangkang untuk menggulingkan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau mendakwa, konspirasi itu dirancang dengan mendapatkan akuan bersumpah daripada Ahli Parlimen pembangkang di samping cuba mempengaruhi Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menyokong mereka bagi menumbangkan kerajaan melalui 'pintu belakang'.

**FAKTA**  
Polis pantau kenyataan pihak tertentu termasuk ahli politik



**KHALID** memeriksa perbarisan tamat latihan dan petaulahan Kor SUKSIS IPTA di padang kawad UTHM, semalam.